



Ruj. Kami : HKL/PAT/98/122/1 (40) JLD 2
Tarikh : 9 Julai 2026

SEPERTI SENARAI EDARAN

Melalui: Pengarah
Hospital Kuala Lumpur

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

MAKLUMAN PERUBAHAN MAKLUMAT UJIAN DI LAMAN SESAWANG RASMI JABATAN PATOLOGI HOSPITAL KUALA LUMPUR BILANGAN 02/2026

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Patologi, Hospital Kuala Lumpur (HKL) telah menjalankan pengemaskinian maklumat perkhidmatan di dalam Buku Perkhidmatan Patologi HKL berdasarkan penemuan audit persijilan MS ISO 15189 yang telah berlangsung pada 12-13 Mei 2026.

3. Perubahan maklumat tersebut melibatkan perkara-perkara berikut:

- i. **Penyimpanan Blok Parafin (Mulai 2027):** Disimpan selama **10 tahun** untuk pesakit dewasa (>18 tahun) dan **25 tahun** untuk kanak-kanak (<18 tahun) di arkib Histopatologi;
- ii. **Permohonan Bahan Diagnostik (ISR):** Borang HKL/JP/AP/AK-09-BP-01 mesti lengkap dan disertakan dengan protokol sampel/bahan kajian. Serahkan ke pejabat Histopatologi atau e-mel ke **histopatologi.hkl@moh.gov.my** untuk semakan pakar; dan
- iii. **Perubahan Lab Turn Around Time (LTAT) Ujian Mikrobiologi:** Tempoh pelaporan ujian dalaman telah dikemaskini. Rujuk pautan *List of Test* dalam buku Perkhidmatan Patologi terkini.

4. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan adalah dipohon untuk memanjangkan perkara ini kepada semua pengguna perkhidmatan makmal supaya dapat merujuk laman sesawang rasmi Jabatan Patologi, HKL bagi mendapatkan maklumat ujian yang terkini sebelum menghantar spesimen.

5. Kerjasama dan perhatian daripada pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(DR. NORHAYATI BINTI OMAR)

NO MMC: 35518

Pakar Perunding Patologi Dan
Ketua Jabatan Patologi
Hospital Kuala Lumpur

s.k.: Semua Ketua Unit
Jabatan Patologi, HKL

Dr.Mazriza/Mirob/06072026

SENARAI EDARAN

1. Pengarah Hospital Rehab Cheras
Jalan Yaacob Latif
Bandar Tun Razak
56000 Cheras, Kuala Lumpur
2. Pengarah Hospital Orang Asli Gombak
Jalan Pahang Lama
Kampung Sungai Rumpit
53100 Kuala Lumpur, Selangor
3. Pengarah Hospital Tunku Azizah
4. Pengarah Institut Perubatan Respiratori
5. Ketua Jabatan Perubatan Am
6. Ketua Jabatan Pembedahan Am
7. Ketua Jabatan Nefrologi
8. Ketua Jabatan Urologi
9. Ketua Jabatan Ortopedik
10. Ketua Jabatan Dermatologi
11. Ketua Jabatan Anestesiologi & Rawatan Kritikal
12. Ketua Jabatan Psikiatri & Kesihatan Mental
13. Ketua Jabatan Otorinolaringologi
14. Ketua Jabatan Kecemasan & Trauma
15. Ketua Jabatan Pembedahan Plastik
16. Ketua Jabatan Perubatan Nuklear
17. Ketua Jabatan Oftalmologi
18. Ketua Jabatan Neurologi
19. Ketua Jabatan Radioterapi & Onkologi
20. Ketua Jabatan Bedah Mulut
21. Ketua Jabatan Perubatan Rehabilitasi
22. Ketua Jabatan Radiologi
23. Ketua Pusat Penyelidikan Klinikal
24. Ketua Unit Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan, HKL
25. Ketua Penyelia Jururawat, HKL
26. Ketua Penyelia Hospital, Bahagian Penyeliaan Hospital